



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 7/2023

PENAWARAN KURIKULUM SECARA TERBUKA BAGI PROGRAM AKADEMIK DI UMK

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Bilangan 5/ 2023 (Kali ke- 153) yang telah diadakan pada 5 Julai 2023 telah meluluskan penawaran kurikulum secara terbuka bagi program akademik di UMK bermula Sesi Akademik 2023/ 2024.
3. Kelulusan ini adalah bagi keseluruhan program akademik di semua entiti akademik di UMK dan mana-mana program yang telah mendapat kelulusan Senat sebelum ini akan menggunakan kelulusan yang terbaharu ini.
4. Struktur penawaran kurikulum secara terbuka ini bermatlamat untuk memberi peluang kepada pelajar lebih fleksibel dalam memilih kursus dan merancang pengajian mereka seiring dengan pendidikan secara anjal yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
5. Kelulusan penawaran kurikulum secara terbuka bagi program akademik di UMK bermula sesi akademik 2023/ 2024 dengan ketetapan berikut:
 - i. Program akademik tidak lagi terikat dengan jadual penawaran kurikulum kursus secara menu-based.
 - ii. Ketetapan bagi memastikan program akademik yang ditawarkan mematuhi standard yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Agensi kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional yang berkaitan.
 - iii. Entiti Akademik dan PTj berkaitan perlu meneliti dan mengambil kira keperluan penetapan jadual waktu kuliah, beban pengajaran pensyarah, keperluan menyelesaikan kursus prasyarat, paparan semua kursus yang boleh diambil oleh pelajar, proses pendaftaran kursus dan lain-lain hal yang berkaitan.

iv. Mengambil kira kursus ko- kurikulum yang mana penawaran secara hibrid adalah terhad.


6. Diharapkan pelaksanaan penawaran kurikulum secara terbuka bagi program akademik di UMK ini akan memberi peluang yang lebih luas kepada pelajar untuk memilih kursus pada masa yang bersesuaian dan merancang pengajian mereka tanpa tertakluk kepada struktur pengajian yang terhad dan meningkatkan persekitaran pembelajaran yang kondusif selaras dengan perkembangan pendidikan global masa hadapan.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATO' DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

31 OKTOBER 2023

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Pendaftar
 - Semua Dekan Fakulti